

Kertas Bil. 37/2021



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT
DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR MENGENAI PERMOHONAN
UNTUK PENGETAHUAN HAKMILIK STRATA BAGI
BANGUNAN HOTEL / HOTEL SUITE**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Perbincangan Bersama ADN Berkenaan Permohonan Untuk Pengeluaran Hakmilik Strata Bagi Bangunan Hotel / Hotel Suite	2
4	Perbincangan Bersama Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)	4
5	Taklimat Oleh Encik Muhammad Yasir bin Yahaya (Pengarah Tanah dan Galian Wilayah)	5
6	Penemuan Jawatankuasa	7
7	Saranan Jawatankuasa	8
8	Perakuan Ahli-Ahli Jawatankuasa Urus setia Turut Hadir	8 9 9 10

Lampiran A

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI PERMOHONAN UNTUK PENGELOUARAN HAKMILIK STRATA BAGI BANGUNAN HOTEL / HOTEL SUITE

1. PENDAHULUAN

- 1.1 JP-PADAT telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali pada 26 November 2020 (Bil. 9/2020), 10 Disember 2020 (Bil. 10/2020), 24 Disember 2020 (Bil. 11/2020) dan 7 Januari 2021 (Bil. 1/2021).
- 1.2 Dalam Mesyuarat Bil. 9/2020 bertarikh 26 November 2020, JP-PADAT telah meneliti usul yang telah dibentangkan oleh Y.B. Bandar Utama pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020 dan bersetuju untuk menjemput individu/jabatan yang berkaitan untuk memberi taklimat tertutup agar dapat memberi pencerahan terhadap isu-isu berkaitan permohonan untuk pengeluaran Hakmilik Strata bagi Bangunan Hotel / Hotel Suite.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 JP-PADAT pada Mesyuarat Bil. 10/2020 tarikh 10 Disember 2020 telah bersetuju untuk membincangkan isu berkaitan permohonan untuk pengeluaran Hakmilik Strata bagi Bangunan Hotel / Hotel Suite terutamanya di Kawasan DUN Petaling. Jawatankuasa telah memutuskan untuk menjemput Y.B. Bandar Utama, Y.B. Subang Jaya dan semua Y.B. Daerah Petaling yang berminat dan mempunyai isu berkaitan usul dan mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa berikut:
 1. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting) Pengerusi
 2. Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli
(ADN Kawasan Bukit Melawati) Ahli
 3. Y.B. Puan Wong Siew Ki
(ADN Kawasan Balakong) Ahli
- 2.2 JP-PADAT pada Mesyuarat Bil. 11/2020 tarikh 24 Disember 2020 telah sebulat suara bersetuju meneliti isu larangan pengeluaran hakmilik strata bagi hotel suite ini lebih lanjut dan memutuskan agar suatu penyata

disediakan dan dibentangkan di Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor. Bagi tujuan tersebut JP-PADAT telah bersetuju untuk menjemput Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) untuk memberi taklimat status usul larangan pengeluaran hakmilik strata bagi hotel suite.

- 2.2.1 JP-PADAT juga bersetuju menjemput Encik Muhammad Yasir Bin Yahaya (Pengarah Tanah dan Galian Wilayah) untuk memberi taklimat mengenai arahan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) Bil 1/2017 berkaitan perkara yang sama serta berkongsi laporan atau aduan pengusaha atau pemaju hotel (sekiranya ada).
- 2.3 JP-PADAT pada Mesyuarat Bil. 1/2021 tarikh 7 Januari 2021 telah mendengar Taklimat serta penjelasan tertutup oleh PTGS dan Encik Muhammad Yasir Bin Yahaya (Pengarah Tanah dan Galian Wilayah).

3. PERBINCANGAN BERSAMA ADN BERKENAAN PERMOHONAN UNTUK PENGELOUARAN HAKMILIK STRATA BAGI BANGUNAN HOTEL / HOTEL SUITE

- 3.1 Sesi Perkongsian yang telah diadakan di Mesyuarat Bil. 10/2020 pada tarikh 10 Disember 2020 telah dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa berikut:
- | | | |
|----|--|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli
(ADN Kawasan Bukit Melawati) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Wong Siew Ki
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
- 3.2 JP-PADAT mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh ahli Dewan Negeri di kawasan DUN Petaling terutamanya Y.B. Subang Jaya. Y.B. Subang Jaya telah memaklumkan bahawa dua (2) contoh di mana hotel

telah diiklankan dan dijualkan kepada pembeli asal dan orang awam seperti berikut:

- a. Dorsett Subang Waterfront
- b. Empire Subang

- 3.3 Kebenaran Merancang asal yang telah diluluskan adalah untuk tujuan hotel. Namun, pemaju telah membuat permohonan untuk menambah dan mengubahsuai terhadap sebahagian Hotel Grand Dorsett kepada cadangan pembangunan seperti berikut:
- a. Tambahan bangunan Hotel sedia ada;
 - b. 2 blok bangunan Hotel Suites 14 tingkat (1989 Unit) berserta lobi;
 - c. 1 tingkat ruang rekreasi dan kolam renang;
 - d. 1 tingkat tempat letak kereta separa bawah; dan
 - e. 5 tingkat tempat letak kereta.
- 3.4 Unit hotel suite ini telah diiklankan kepada pemilik dan orang awam dengan representasi sebagai kondominium kekal. Unit ini telah mula dijual pada tahun 2012 yang mana hakmilik strata juga telah dikeluarkan bagi setiap unit hotel suite ini.
- 3.5 Pemilik bagi setiap unit ini telah menandatangani satu *Option Agreement* yang memberi kuasa kepada Badan Pengurusan untuk menyewakan unit-unit mereka. Namun yang menjadi permasalahan ialah tempoh penyerahan tersebut bukan selama-lamanya.
- 3.6 Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di MBSJ mendapati perkara ini telah membuka ruang kepada pemaju-pemaju hotel lain untuk membuat permohonan menukar status hotel kepada kediaman. COB telah mengambil langkah untuk menyekat perkara ini dari terus berlaku.
- 3.7 Syarat penetapan penyediaan tempat letak kenderaan (TLK) bagi pembangunan hotel adalah lebih longgar berbanding pangsapuri dan kondo. Ini boleh menyebabkan kesesakan trafik yang kekal terutamanya pada waktu puncak. Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga) telah menetapkan syarat TLK dimana 1 TLK bagi setiap 3 bilik hotel manakala bagi pangsapuri perkhidmatan adalah 2 TLK untuk 1 unit.

- 3.8 MBSJ telah memfailkan satu kes di mahkamah tinggi terhadap pemaju Dorsett Subang Waterfront pada tahun 2014 dan keputusan mahkamah menyebelahi MBSJ. Pihak pemaju telah memfailkan rayuan di mahkamah rayuan dan pada tahun 2016 mahkamah rayuan telah memutuskan pemaju boleh menjual unit pangsapuri perkhidmatan tersebut kerana tiada klausa yang menghalang mereka berbuat demikian.
- 3.9 Pada tahun 2018, MBSJ telah mencabar keputusan Mahkamah Rayuan mengenai hak untuk menjual unit kondominium tersebut di Mahkamah Persekutuan namun Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan kebenaran untuk membuat rayuan tersebut.

4. PERBINCANGAN DENGAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR (PTGS)

- 4.1 Perbincangan dengan PTGS dan Encik Muhammad Yasir bin Yahaya yang telah diadakan di Mesyuarat Bil. 1/2021 bertarikh 7 Januari 2021 telah dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa berikut:
 1. Y.B. Tuan Lau Weng San Pengerusi
(ADN Kawasan Banting)
 2. Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli Ahli
(ADN Kawasan Bukit Melawati)
 3. Y.B. Puan Wong Siew Ki Ahli
(ADN Kawasan Balakong)
 4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran Ahli
(ADN Kawasan Bukit Gasing)
 5. Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan Ahli
(ADN Kawasan Taman Templer)
- 4.2 PTGS memaklumkan bahawa dasar sedia ada sudah memadai untuk membendung masalah yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Bandar Utama.
- 4.3 Kelulusan dan pengeluaran hakmilik strata tertakluk kepada Seksyen 8 dan Seksyen 9 Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) serta dibaca bersama

jadual pertama di dalam Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Seksyen 8A(c)(ii) Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) juga menyebut syarat perakuan dari pihak berkuasa perancang tempatan diperlukan. Ini jelas menunjukkan bahawa kelulusan pecah bagi bangunan dan pengeluaran hakmilik strata perlulah diluluskan dahulu jenis pembangunan dan pemilikan di peringkat perancang lagi.

- 4.4 Perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam meluluskan sesuatu kebenaran merancang yang dipohon oleh pemaju. PTGS hanya akan mengeluarkan hakmilik strata sekiranya pihak PBT memutuskan untuk memberi kelulusan terhadap kebenaran merancang. Oleh yang demikian, masalah ini sepatutnya boleh ditangani diperingkat Agensi Pusat Setempat (One Stop Centre [OSC]).
- 4.5 Sebagai contoh bagi Geno Hotel yang mempunyai dua (2) jenis hakmilik dalam satu bangunan di mana satu hakmilik blok dikeluarkan bagi hotel dengan syarat guna tanah perniagaan dan hakmilik strata bagi setiap unit pangsapuri perkhidmatan dengan syarat guna tanah perniagaan.
- 4.6 Bagi unit-unit *Small Office Home Office* (SOHO), hakmilik strata akan dikeluarkan bagi setiap unit dengan syarat guna tanah perniagaan.

5. TAKLIMAT OLEH ENCIK MUHAMMAD YASIR BIN YAHAYA (PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH)

- 5.1 JP-PADAT mengambil maklum bahawa tiada dasar yang jelas berkaitan permasalahan yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Bandar Utama.
- 5.2 Undang-undang sedia ada tidak menghalang pengeluaran hakmilik strata bagi hotel. Namun ianya boleh dihalang hanya di peringkat Pihak Berkuasa Negeri.
- 5.3 Permasalahan ini berlaku akibat daripada strategi dan niat utama pemaju hotel yang pada asalnya ingin membangunkan unit-unit hotel tanpa membuat pinjaman dari mana-mana bank dengan menjual unit-unit tersebut kepada pembeli yang mana pembeli akan membuat pinjaman bagi menyelesaikan bayaran harga jual beli kepada pemaju hotel. Dengan ini pihak pemaju hotel dapat mengelakkan dari sebarang pinjaman bagi tujuan pembangunan hotel tersebut. Sekiranya berlaku apa-apa masalah seperti

projek terbengkalai, pihak pemaju hotel tidak menanggung hutang dengan mana-mana bank.

5.4 Konsep yang diperkenalkan kepada pihak pembeli adalah '*time sharing*' yang mana terdapat keuntungan yang akan dibahagikan di antara pembeli dan pemaju hotel pada kadar tertentu yang dipersetujui.

5.5 Seterusnya pihak pembeli telah membangkitkan isu hak milikan mereka dan menuntut pengeluaran hakmilik strata untuk unit yang mereka dibeli. Pada tahun 2000 hingga 2015 terdapat usaha-usaha daripada pihak pemaju hotel untuk membuat permohonan kepada PTGWP dengan alasan seperti berikut:

5.5.1 Kemajuan pengurusan (*management progression*)

5.5.2 Sudut perniagaan - operasi hotel mungkin mengalami masalah kewangan dalam jangka panjang yang menyebabkan pengusaha hotel tersebut membuat permohonan untuk menukar kepada pangsapuri perkhidmatan dan seterusnya membolehkan penjualan unit-unit tersebut.

5.6 Oleh yang demikian, PTGWP telah mengeluarkan Pekeliling PTGWP 1/2017 bagi mengelakkan penjualan oleh pemaju yang berniat tidak menanggung hutang daripada mana-mana bank dengan bayaran daripada pembeli unit-unit hotel. Pekeliling yang dikeluarkan adalah merupakan pemberitahuan kepada pembeli sekiranya ingin membeli unit-unit hotel tidak akan dilayan. Bagi yang telah memiliki atau membeli unit-unit hotel atau pangsapuri perkhidmatan sebelum pekeliling PTGWP Bil 1/2017 dikeluarkan bolehlah membuat tindakan selanjutnya dengan menghalang penjualan unit di mahkamah.

5.7 Pada tahun 2015, pengeluaran hakmilik strata dan milikan kosong adalah bersekali dengan sijil formula unit *share*, lesen dan permit penjualan yang mempunyai yang memaparkan maklumat permit mengiklan dan lesen pemaju (APDL) perlu dikeluarkan sebelum perjanjian jual beli rumah kediaman boleh ditandatangani.

5.8 Walau bagaimanapun pada tahun 2017, mana-mana permohonan untuk pengeluaran hakmilik strata bagi perjanjian yang telah dimasuki antara pemilik hotel dan pembeli tidak akan dikeluarkan. Arahan Pekeliling

PTGWP Bil. 1/2017 ini akan terpakai bagi kes-kes sebelum ianya dikeluarkan.

- 5.9 Terdapat perbincangan di peringkat pentadbiran bagi seluruh Semenanjung Malaysia untuk meneliti perkara ini dan permasalahan ini boleh dikawal dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk menolak sebarang permohonan pengeluaran hakmilik strata.
- 5.10 PTGWP memaklumkan hakmilik strata yang dikeluarkan mempunyai syarat kegunaan tanah yang lebih terperinci supaya tiada permohonan untuk mengubah syarat kegunaan tersebut di masa akan datang.
- 5.11 PTGWP memaklumkan bahawa ia hanya beroperasi secara atas talian bagi semua urusan kecuali pendaftaran borang pindahmilik (Borang 14A) dan gadaian (Borang 16A) semasa penutupan PTGWP selama dua (2) minggu akibat kes covid-19 melibatkan kakitangan mereka.
- 5.12 Walau bagaimanapun, PTGWP pada ketika ini masih dalam peringkat kajian untuk melaksanakan pendaftaran pindahmilik (Borang 14A) dan gadaian (Borang 16A) secara atas talian dan akan beroperasi sepenuhnya setelah semua perkara diperhalusi.

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 6.1 JP-PADAT berpandangan bahawa PTGS juga boleh mengikut langkah yang diambil oleh PTGWP (LAMPIRAN A) dengan mengeluarkan satu pekeliling khusus kepada semua PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk memaklumkan bahawa pemberian hakmilik strata bagi tujuan penjualan petak hotel adalah tidak dibenarkan.
- 6.2 JP-PADAT mendapati PTGS kerap kali menolak tanggungjawabnya kepada PBT dan kelihatan tidak bersedia untuk melakukan perkara 6.1 seperti dinyatakan diatas.

7. SARANAN JAWATANKUASA

- 7.1 JP-PADAT menyarankan agar pihak PTGS perlu mengeluarkan satu pekeliling khusus kepada semua PDT dan PBT untuk memaklumkan bahawa pemberian hakmilik strata bagi tujuan penjualan petak hotel adalah tidak dibenarkan.
- 7.2 JP-PADAT menyarankan agar PTGS mengambil tanggungjawab dengan mengeluarkan arahan yang lebih khusus supaya PDT dapat memberikan ulasan teknikal selaras dengan arahan yang dikeluarkan bagi bangunan hotel/hotel suite supaya insiden ini dapat dielakkan.

8. PERAKUAN

JP-PADAT ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ADN Kawasan Petaling, Lembaga Perumahan Dan hartanah Selangor (LPHS), Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dalam menjayakan penyediaan penyata ini. JP-PADAT berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-PADAT dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2021 pada 14 September 2021.

Disahkan oleh:



Y.B. TUAN LAU WENG SAN
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan
Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)
Dewan Negeri Selangor

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT):

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Wong Siew Ki
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli
(ADN Kawsan Bukit Melawati) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan
(ADN Kawasan Taman Templer) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |
| 7. | Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |

URUS SETIA

- 1) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Cik Nurul Liyana binti Musa
Penolong Pegawai Tadbir
- 4) Puan Salmiah binti Hamdan
Pegawai Penyelidik Kanan Pejabat Speaker
- 5) Cik Cheah Sheue Chyi
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

Turut Hadir:

1. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze
(ADN Kawasan Subang Jaya)
2. Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin
(ADN Kawasan Bandar Utama)
3. Wakil Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah
(ADN Kawasan Seri Kembangan)
4. Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar
(ADN Kawasan Meru)
5. Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar
(ADN Kawasan Seri Setia)
6. Wakil Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga)

Wakil Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor

1. Encik Erni Julian Binti Rosli
2. Encik Nik Facaruddin Shah bin Nik Hasni Shah

Wakil Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP)

1. Encik Muhammad Yasir bin Yahaya
(Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan)

Wakil Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)

1. Encik Yusri bin Zakariah (Pengarah Tanah dan Galian Selangor)
2. Mohd Norshahnaz bin Md. Zahir (Timbalan Pengarah Pendaftaran)
3. Encik Mohd Alihanafi bin Mohd Yunus (Ketua Penolong Pengarah Strata)
4. Mohd Khairul Azhar Abdul Samat (Penolong Pegawai Tadbir Strata)

LAMPIRAN A

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN
BIL. 1/2017**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PECAH BAHAGI BANGUNAN
BAGI HOTEL BERSTRATA**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi tujuan pemakluman keputusan Pengarah Tanah dan Galian berkenaan garis panduan permohonan pecah bahagi bangunan bagi hotel berstrata.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Permohonan pecah bahagi bangunan yang dipohon oleh pemilik tanah atau pemaju adalah tertakuk kepada syarat-syarat permohonan mengikut seksyen 9, Akta Hakmilik Strata 1985.
- 2.2 Syarat kelulusan permohonan pecah bahagi bangunan oleh Pengarah Tanah dan Galian adalah tertakuk kepada syarat-syarat kelulusan mengikut seksyen 10, Akta Hakmilik Strata 1985.
- 2.3 Pembangunan bagi hotel berstrata adalah tertakuk kepada kelulusan yang diperolehi melalui Perintah Pembangunan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang mana kelulusan tersebut mempunyai ciri-ciri dan syarat-syarat tertentu.

3. PELAKSANAAN

3.1 Pengarah Tanah dan Galian bersetuju supaya permohonan pecah bahagi bangunan bagi hotel berstrata diseragamkan seperti berikut:-

- i. Hotel berstrata yang dibangunkan dalam skim pembangunan komersial atau bercampur (contoh seperti kediaman, kedai, pejabat, ruang perniagaan, tempat letak kenderaan dan pangsapuri servis) hanya boleh dikeluarkan satu (1) petak/blok sahaja. Unit-unit dalam petak/blok hotel tersebut TIDAK dibenarkan dikeluarkan hakmilik strata.**
 - ii. Pembangunan hotel yang tidak dibangunkan dengan pembangunan bercampur TIDAK memenuhi syarat untuk permohonan pecah bahagi bangunan.**
- 3.2 Mana-mana permohonan yang tidak mematuhi syarat-syarat di atas walaupun telah memperolehi kelulusan Perintah Pembangunan dari Pihak Berkuasa Tempatan akan ditolak.**

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini terpakai bagi semua permohonan pecah bahagi bangunan bagi hotel berstrata yang telah memperolehi kelulusan Perintah Pembangunan selepas 10 Oktober 2017.

- 4.2 Semua permohonan pecah bagi bangunan, pecah petak atau penyatuan petak atau perkara lain berkaitan dengan hotel berstrata yang dalam tindakan untuk diluluskan atau telah diluluskan tetapi hakmilik strata belum didaftarkan, sebaik selepas berkuatkuasa pekeliling ini hendaklah diteruskan atau diselesaikan seolah-olah pekeliling ini tidak berkuatkuasa.
- 4.3 Pekeling ini berkuatkuasa mulai 10 Oktober 2017.

(MUHAMMAD YASIR BIN YAHYA)

Pengarah Tanah dan Galian
Wilayah Persekutuan

Tarikh: 10 Oktober 2017.